



17-22 SEPTEMBER 2018  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA  
[www.cepsi2018kl.org](http://www.cepsi2018kl.org)



## **SIARAN AKHBAR**

---

## **PRESS STATEMENT**

**S.A. 2018/03/14 (HQ)**

### **LADANG SOLAR TERBESAR MILIK TNB LEBIH 50% SIAP**

Projek Solar Berskala Besar (LSS) pertama negara yang terbesar di Malaysia sedang dibangunkan Tenaga Nasional Berhad (TNB), kini siap lebih 50 peratus sejak pembinaannya bermula pada bulan Julai tahun lalu.

Kerja-kerja tapak untuk ladang solar berkapasiti 50MW itu kini sedang rancak berjalan. Ia merangkumi aktiviti-aktiviti utama seperti struktur bagi panel solar, selain penanaman kabel bawah tanah 132kV dan fiber optik sepanjang 10 km.

Menurut Naib Presiden (Usaha Niaga Tenaga) TNB, Dato' Nor Azman Mufti kerja-kerja pembinaan pencawang 132kV dan pusat kawalan (control room) juga sedang dilaksanakan.

“Pemasangan panel solar sebanyak lebih dari 238,000 unit pula sedang rancak berjalan.

“Kami yakin projek ini dapat mencapai sasaran Tarikh Operasi Komersial Yang Dijadualkan (Scheduled Commercial Operation Date) pada 1 November 2018,” ujarnya.

LSS tersebut dibangunkan anak syarikat TNB, TNB Sepang Solar Sdn Bhd di tapak seluas 98 hektar di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat, Selangor. Kontraktor utama Engineering, Procurement & Construction (EPC) projek berkenaan adalah TNB Engineering Corporation Sdn Bhd.

TNB memenangi bidaan kompetitif (LSS) bernilai lebih RM300 juta itu tahun lalu dalam usahanya menerajui agenda Tenaga Diperbaharui (RE) dan mengoptimumkan penjanaan elektrikmelalui teknologi hijau.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 11 Mac 2018, jam 10.30 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 atau*

*E-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*